

BUKAN SEMUA KANSER ADA PENANDA TUMOR



Sabtu tahun kita dimaklumkan mengenai peningkatan jumlah pesakit kanser. Setakat April tahun lalu, Kementerian Kesihatan mendedahkan kira-kira 100,000 rakyat negara ini disahkan menghidap kanser setiap tahun. Tambah membimbangkan apabila wanita dikatakan paling ramai mengalami penyakit paling digeruni itu.


Kenyataan itu turut menganggarkan satu daripada

empat rakyat akan mengalami penyakit kanser pada usia 75 tahun. Antara punca situasi itu kerana peningkatan populasi dan jangka hayat yang lebih lama.

Berbalik kepada isu kanser, antara perkara kerap melintas di ingatan kebanyakan daripada kita adalah mengenai kepentingan ujian saringan dan pengesahan awal barah. Namun yang difikirkan selalunya berakhir pada topik penanda tumor.

>18&19

HARIAN METRO
ISNIN 31 JULAI 2017



PESAKIT menderita iktiosis harlequin yang menjadikan rupa paras dan tubuh.

masih gagal bersikap terbuka, apakah lagi menerima keadaan pesakit, terutama apabila bertembung di tempat awam.

"Kita perlu faham pesakit ini tidak membawa risiko jangkitan langsung kepada orang di sekeliling mereka. Jadi, usahlah merenung pesakit dari jauh, membuat andaian atau melontar persepsi salah dengan mengatakan perbezaan kulit pesakit ini berjangkit.

"Bayangkan jika kita di tempat mereka, sudah pasti stigma sosial sebegini memberi kesan terhadap imej dan harga diri pesakit. Mereka akan malu berjumpa dengan orang ramai dan pesakit kanak-kanak mungkin merasa diri mereka disisih."

"Mereka mungkin terpaksa menempuh kesukaran kerana tidak mendapat peluang pekerjaan yang diidamkan, tidak mempunyai masa depan dalam sektor kesihatan, jualan serta mudah dipandang serong seandainya mencebur ke bidang perusahaan makanan."

"Paling utama, kelompok ini biasanya tidak ada keyakinan diri untuk mencari teman hidup kerana bimbang anak dilahirkan kelak mewarisi penyakit sama," katanya.

RAWATAN IKTIOSIS

Menurut Dr Kartini belum ada rawatan penyembuh untuk penyakit iktiosis, kecuali ubat-ubatan untuk mengurangkan sisis serta ketidakselesaan pada pesakit. Antara yang paling kerap diberi kepada pesakit adalah krim topikal, minyak pelembap seperti petrolatum dan glicerin; pembersih tanpa sabun; keratolitik seperti asid salisilik dan urea bagi mengurangkan ketebalan kulit dan tablet retinoid untuk iktiosis yang teruk.

"Selebihnya doktor akan menasihatkan pesakit supaya menghindari tempat panas dan kering bagi mengelak reakan kulit, seterusnya jangkitan kuman yang boleh memudaratkan keadaan pesakit," katanya.

Menyentuh soal kesedaran, Dr Kartini berkata, masyarakat umum khususnya di kawasan pedalaman masih mempunyai persepsi negatif dan menganggap penyakit ini sebagai kesan daripada terkena sumpahan, sihir atau kenan semasa dalam kandungan.

"Ramai yang cuba mengaitkan dengan cerita ular atau binatang lain yang mungkin memberi

'kesan' kepada bayi dalam kandungan. Majoriti masyarakat menganggap penyakit ini berjangkit dan tidak membenarkan pesakit memasuki kedai atau restoran mereka, apakah lagi bersalamans atau bersentuhan secara terus dengan pengidap.

"Ada kalanya penghidap hanya memegang barang jualan di kedai, namun sudah dianggap boleh membawa jangkitan. Dalam situasi ini, ibu bapa antara individu paling terskena kerana orang yang tidak faham mengenai masalah kulit sebegini akan berterusan menyalahkan mereka.

"Dalam kebanyakan kes, pesakit iktiosis sukar mendapat pekerjaan yang sesuai dengan kemampuan mereka, walaupun mempunyai tahap pendidikan tinggi dan pengalaman kerana rupa paras yang agak menakutkan. Mereka jadi malu dan mengasingkan diri dari masyarakat luar hingga terpaksa mengharapkan bantuan orang lain untuk mencari nafkah sendiri," katanya.

HARI KULIT KEBANGSAAN

Hari Kulit Kebangsaan 2017 baru-baru ini diadakan bersempena dengan Bulan Kesedaran Ichthyosis yang disambut secara global. Objektif utama program itu adalah untuk membasmikan stigma terhadap pesakit yang mengalami masalah kulit.

Acara utama pada hari itu adalah perarakan amal membabitkan pelajar dan orang awam. Mereka berjalan sejauh tiga kilometer di sekeliling taman secara bersama-sama bermekanalan dengan pesakit kulit dari pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan kumpulan sokongan seperti Pertubuhan Kebajikan Pesakit Ichthyosis Malaysia (PEKIM), Dystrophic Epidermolytic Bullous Research Association (DEBRA), Persatuan Psoriasis Malaysia, Hidradenitis Suppurativa Support Group Malaysia dan Kuala Lumpur and Selangor Albinism Association.

"Masalah kulit penghidap ini adalah disebabkan masalah genetik dan tidak berjangkit. Ramai pesakit malu untuk tampil kerana rupa kulit yang kelihatan cacat dan persepsi negatif masyarakat. Oleh kerana keadaan rupa paras mereka, ramai tidak dapat bekerja dan bersekolah. Sebab itulah kesedaran orang awam amat penting untuk keselesaan hidup mereka," katanya.



payudara), lumuran pap (kanser serviks) dan ujian darah FOBT (kanser kolorektal).

"Individu yang mempunyai risiko kanser tinggi perlu berbincang dengan doktor, diberi penerangan jelas dan khidmat nasihat bersesuaian mengenai bagaimana untuk mengurangkan risiko kanser pada usia muda," katanya.

KEPUTUSAN PENANDA TUMOR SEBAGAI UJIAN SARINGAN

Kata Dr Verna, dalam kebanyakan situasi, orang mungkin akan bertanya, adakah mereka bebas kanser memandangkan hasil ujian penanda tumor yang diambil menunjukkan tahap yang sangat rendah?

"Sedangkan tahap penanda tumor yang tinggi sekali pun tidak didiagnos sebagai kanser, begitu juga dengan mereka yang menggunakan cara sama dan memperoleh bacaan tahap rendah. Kami tidak boleh bergantung kepada hasil ujian semata-mata untuk menentukan bahawa anda bebas daripada penyakit ini kerana penanda tumor berpotensi memberikan keputusan palsu atau mungkin negatif palsu."

"Seperangkat lagi, apabila anda terlalu terkejut dengan tahap ujian tumor yang tidak normal, anda mungkin akan bertindak meyakinkan doktor untuk memberi tumpuan menyiasat sama ada anda benar-benar berisiko

mengalami kanser. Atau lebih buruk lagi, walaupun mendapat keputusan negatif-palsu selepas melalui pelbagai ujian invasif lain, anda mungkin menghadapi masalah untuk menerima bahawa anda benar-benar bebas daripada kanser kerana terikat dengan emosi yang mempercayai ujian penanda tumor.

"Ini antara komplikasi dari sudut psikologi yang akan mengganggu seseorang individu. Secara tidak langsung, keadaan ini boleh mendatangkan kesan kebimbangan, ketakutan, berlebihan dan gangguan kemurungan," katanya.

PERLU DIKETAHUI

Had Ujian Penanda Tumor termasuk:

- Banyak penyakit bukan kanser juga boleh meningkatkan tahap penanda tumor.
- Beberapa paras penanda tumor mempunyai garis asas yang tinggi dalam individu yang normal.
- Adalah sukar untuk mendapatkan hasil yang konsisten kerana tahap penanda tumor boleh berubah dari masa ke masa.
- Tahap penanda tumor tidak dapat dinaikkan sehingga penyebaran kanser (ini tidak berguna untuk pengesahan awal, pemeriksaan, atau memerhatikan pengulangan).
- Banyak kanser yang biasa tidak menghasilkan penanda tumor.

Apabila anda membuat

Doktor sendiri tidak tahu apa langkah pengurusan seterusnya jika seorang individu yang sihat mencatatkan hasil ujian penanda tumor yang tidak normal

DR VERA

keputusan menjalani ujian penanda tumor, tanyakan soalan berikut kepada doktor:

E Adakah doktor mengesyorkan saya menjalani ujian penanda tumor? Jika ya, yang mana?

• Bagaimana ujian dilakukan? Berapa kerap perlu diuji?

• Bolehkah doktor menerangkan impak keputusan ujian?

• Jika saya mempunyai tahap penanda tumor yang tidak normal, apakah maksudnya? Bagaimana ia menjaskan kesihatan saya?

• Bagaimanakah ujian penanda tumor digunakan dalam penjagaan susulan saya?

• Di mana saya boleh mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai penanda tumor?

Sekarang bahawa anda mendapat maklumat yang baik, anda boleh menyelamatkan diri daripada mengalami kebimbangan yang tidak perlu dengan memeriksa dengan doktor anda jika ujian penanda tumor diperlukan untuk anda.

Ingin bahawa ujian ini mempunyai tujuan dan batasannya, oleh itu, keputusan kadang-kadang berubah-ubah menunjukkan positif palsu atau negatif palsu. Sekiranya anda sudah mengambil ujian dan jika tahapnya tinggi, simpan dan bercakap dengan doktor anda untuk mendapatkan keputusan yang tepat. - Intan Mas Shahimi